

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

April 1997

**EKC 450 - Simulasi dan Pengoptimuman Proses**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat dan **TIGA (3)** lampiran bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab soalan No. 1 dari Bahagian A yang diwajibkan dan **TIGA (3)** soalan dari Bahagian B.

Anda dimestikan menjawab soalan No. 1 dalam Bahasa Malaysia.


Soalan terjemahan Bahasa Inggeris ditaip dalam tulis *Italic*.

...2/-

**BAHAGIAN A: Soalan No. 1 adalah wajib**

1. Karbon monoksida dari suatu loji air gas dibakar dengan udara di dalam sebuah reaktor adiabatik. Kedua-dua karbon monoksida dan udara disuapkan ke dalam reaktor pada  $25^{\circ}\text{C}$  dan tekanan atmosfera. Tindakbalas yang berlaku di dalam reaktor adalah berbalik dan boleh diwakili sebagai:-

*Carbon monoxide from a water gas plant is burned with air in an adiabatic reactor. Both the carbon monoxide and air are being fed to the reactor at  $25^{\circ}\text{C}$  and atmospheric pressure. The reaction taking place in the reactor is reversible and represented as:*



Perubahan tenaga bebas piawai ( $25^{\circ}\text{C}$ ) ialah:-

*The standard free energy change ( $25^{\circ}\text{C}$ ) is:*

$$\Delta G_{T_0}^{\circ} = -62 \text{ (k cal/gmol of CO)}$$

Haba tindakbalas piawai pada  $25^{\circ}\text{C}$  ialah:-

*The standard heat of reaction at  $25^{\circ}\text{C}$  is:*

$$\Delta H_{T_0}^{\circ} = -67.611 \text{ (k cal / gmol of CO)}$$

Keadaan piawai bagi kesemua komponen-komponen adalah gas-gas tulen pada 1 atm.

*The standard states for all components are the pure gases at 1 atm.*

Tuliskan persamaan-persamaan model dan tunjukkan keterangan gambarajah aliran untuk mengira suhu adiabatik ( $T$ ) dan penukaran keseimbangan ( $X_e$ ) bagi karbon monoksida seandainya sebuah suapan disuapkan ke reaktor pada pembahagian stoikiometri.

*Formulate the model equations and show the information flow diagram for the calculation of the adiabatic temperature ( $T$ ) and the equilibrium conversion ( $X_e$ ) of carbon monoxides if a feed is fed to the reactor in stoichiometric proportions.*

(25 markah)

..3/-

Data tambahan (Additional data):

Tekanan tetap muatan tentu ( $C_{p_i}$ ) bagi berbagai juzuk di dalam (Cal/gmol.K) diberi seperti berikut:-

*The constant pressure heat capacities ( $C_{p_i}$ ) for the various constituents in (cal/gmol.K) are given by*

$$C_{p_i} = A_i + B_i T + C_i T^2$$

T : suhu dalam unit K

Angkatapnya diberi di dalam jadual di bawah:

*The constants are as given below:*

Gas	A	B	C
CO	6.25	$2.091 \times 10^{-3}$	$-0.459 \times 10^{-6}$
O <sub>2</sub>	6.13	$2.99 \times 10^{-3}$	$-0.806 \times 10^{-6}$
CO <sub>2</sub>	6.85	$8.533 \times 10^{-3}$	$-2.475 \times 10^{-6}$
N <sub>2</sub>	6.30	$1.819 \times 10^{-3}$	$-0.345 \times 10^{-6}$

Petunjuk: Rangkumkan keseimbangan makroskopik bahana keseimbangan entalpi dan hubungkait keseimbangan untuk membentuk 2 persamaan algebra yang tak lelurus dalam sebutan 2 angkubah yang tak diketahui iaitu T dan X<sub>e</sub>.

Hint: *Combine the macroscopic material balance, enthalpy balance and equilibrium relationship to form two nonlinear algebraic equations in two unknowns i.e., T and X<sub>e</sub>.*

**BAHAGIAN B**

2. Suatu reaktor menukar sebatian organik ke hasil P dengan memanaskan bahan dengan adanya bahan tambah A (nisbah molar = x<sub>A</sub>). Bahan tambah boleh dimasukkan ke dalam rekator, disamping stim dimasukkan ke dalam gegelung pemanas di dalam reaktor untuk menghasilkan haba.

*A reactor converts an organic compound to a product P by heating the material in the presence of an additive A (mole fraction = x<sub>A</sub>). The additive can be injected into the reactor, while steam can be injected into a heating coil inside the reactor to provide heat.*

Hasil P boleh dijual pada kadar RM 50 per kg mol. Bagi 1 kg mol suapan, kos bagi bahan tambah (di dalam RM per kg mol) sebagai fungsi  $x_A$  di beri oleh formula berikut:-

*The product P can be sold for RM 50 per kg mol. For 1 kg mol of feed, the cost of the additive (in RM per kg mol) as function of  $x_A$  is given by the formula:*

$$2.0 + 10 x_A + 20 x_A^2$$

Kos bagi stim (di dalam RM) sebagai fungsi S ialah:-  
*The cost of the steam (in RM) as a function of S is:-*

$$1.0 + 0.003S + 2.0 \times 10^{-6} S^2$$

( $S$  = kg stim per kg mol suapan)  
( $S$  = kg steam per kg mol feed)

Persamaan hasil ialah:

*The yield equation is:*

$$Y_p = 0.1 + 0.3x_A + 0.001S + 0.0001 x_A S$$

( $Y_p$  = kg mol hasil per kg mol suapan)  
( $Y_p$  = kg mol product per kg mol feed)

- [a] Tulis fungsi keuntungan di dalam sebutan  $x_A$  dan S.  
*Formulate the profit function in terms of  $x_A$  and S.* (10 markah)

- [b] Maksimakan fungsi keuntungan dengan mengambil kirakekangan-kekangan  
*Maximize the profit function subject to the constraints*

$$0 \leq x_A \leq 1 \text{ and } S \geq 0$$

dengan menggunakan sebarang kaedah.  
*using any methods.* (10 markah)

- [c] Adakah fungsi keuntungan cekung atau cembung? Tunjukkan jawapan anda secara matematik.  
*Is the profit function concave or convex? Demonstrate your finding mathematically.*

(5 markah)

3. Satu tangki berbentuk silinder bergarispusat 2.0m dan mempunyai ketinggian 8.0m mengandungi minyak kelapa sawit yang mempunyai ketumpatan  $950 \text{ kg/m}^3$ . Tangki tersebut terdedah ke atmosfera. Lubang luahan yang bergarispusat 0.02 m terletak di tengah-tengah dasar tangki tersebut. Permukaan cecair berkenaan berada pada paras 7.0 di atas lubang luahan. Apabila lubang luahan dibuka, paras cecair jatuh ke 4.5 m.

*A cylindrical tank 2.0 m in diameter and 8.0 m high contains a Palm Oil having a density of  $950 \text{ kg/m}^3$ . The tank is opened to the atmosphere. A discharge hole of 0.02 m diameter is located in the centre of the bottom of the tank. The surface of the liquid is located 7.0 m above the discharge hole. When the drainage hole was opened the liquid level dropped to 4.5 m.*

- [a] Buat suatu keseimbangan makroskopik yang diperlukan dan lukiskan pengawalan isipadu bagi sistem tersebut.  
*Make necessary macroscopic balances, and draw the control volume of the system.*

(10 markah)

- [b] Kira masa yang diambil di dalam saat, bagi paras cecair jatuh ke 4.5 m.  
*Compute the time in seconds for the liquid level to drop to 4.5 m.*

(10 markah)


- [c] Sekiranya lubang luahan dibesarkan ke 0.04 m, kirakan masa yang diambil untuk mengalirkan keluar kesemua cecair di dalam tangki berkenaan.  
*If the discharge hole is increased to 0.04 m compute the time of draining the whole tank.*

(5 markah)

Tuliskan kesemua andaian-andaian yang anda buat di dalam penyelesaian anda.  
*Make all necessary assumptions for your solutions.*

4. Di dalam suatu proses untuk membentuk sebatian R, tindakbalas-tindakbalas berikut berlaku:

*In a process to make compound R, the following reactions occur:*



- [a] Terangkan mengapa keadaan persekitaran kimia yang optimum akan tinggi bagi kepekatan B dan rendah bagi kepekatan A.  
*Explain why the optimum chemical environment would be high B and low A concentrations.*

(8 markah)

- [b] Rupa reaktor yang sempurna untuk memenuhi tindakbalas di atas ialah sebuah reaktor dengan aliran sampingan suapan A seperti yang ditunjukkan pada gambarajah Q4 di mana  $f(v)$  (dalam unit  $m^3$  suapan sampingan/hr.m<sup>3</sup> isipadu reaktor) adalah merupakan taburan bagi penambahan suapan sampingan di sepanjang reaktor yang hendak ditentukan. Andaikan bahawa reaktor sebagai aliran palam, terbitkan persamaan-persamaan keseimbangan jisim.  
*An idealised reactor configuration to achieve this is a reactor with side stream feeds of A, as shown in Fig. Q4. Where  $f(v)$  (in  $m^3$  side feed/hr.m<sup>3</sup> reactor volume) is the distribution of side feed additions along the reactor length (volume) to be determined. Assuming the reactor to be a plug flow, derive the mass balances equations.*


(10 markah)

- [c] Sebagai anggaran rekabentuk yang optimum, keadaan yang akan digunakan adalah suapan sampingan akan diubahsuai untuk menjaga  $C_A = \text{tetap}$ . (iaitu  $C_A = C_{A0} = C_{AL}$ ). Penukaran A yang tinggi adalah dikehendaki, dan untuk memudahkan pengiraan, adalah diandaikan bahawa kepekatan suapan sampingan adalah tinggi,  $C_{AW} \gg C_A = C_{A0} = C_{AL}$ . Terbitkan persamaan-persamaan keseimbangan jisim bagi keadaan-keadaan tertentu berkenaan.

*As an approximate optimal design, the conditions will be used that the side feed be adjusted to maintain  $C_A = \text{constant}$  (i.e.,  $C_A = C_{A0} = C_{AL}$ ). Also, a high conversion of A is desired, and to simplify the calculations, it will be assumed that the side feed concentration is high,  $C_{AW} \gg C_A = C_{A0} = C_{AL}$ . Derive the mass balance equations for these special conditions.*

(7 markah)

..7/-



Gambarajah Q4

5. Pertimbangkan masalah pelampauan berikut:  
*Consider the following extremisation problem*

$$f(x) = x_1^2 + x_1 x_2 + x_2^2 + 3x_1$$

- [a] Cari persamaan pelampauan secara analitik  
*Find the extremum analytically*

(10 markah)

- [b] Seandainya arah pencarian  $S$  diberi sebagai  $(1, 0)^T$  bermula pada  $(0, 0)$ , cari titik pelampau bagi fungsi di atas dan bandingkan dengan bahagian [a].

*Suppose the search direction  $S$  is given by  $(1, 0)^T$ . Start at  $(0,0)$ , find the extremum of the above function and compare with part [a].*

(15 markah)

-0000000-

Lampiran A**Solution of non-linear Equations**1. **Newton's Method:**

$$f(x) = f(x_o) [x - x_o] + f(x_o)$$

$$x_{i+1} = x_i - \frac{f(x_i)}{f'(x_i)}$$

2. **Secant Method:**

$$x_{i+1} = x_i - \frac{f(x_i)(x_i - x_{i-1})}{f(x_i) - f(x_{i-1})}$$

3. **Regula Falsi Method:**

$$x_{i+1} = x_i - f(x_i) \frac{(x_i - x_{i-1})}{f(x_i) - f(x_{i-1})}$$

4. **Illionis Method:**

$$x_{i+2} = x_{i+1} - f(x_{i+1}) \frac{x_{i+1} - x_{i-1}}{f(x_{i+1}) - \frac{1}{2}f(x_{i-1})}$$

5. **Solution of n non-linear Equations**

$$\sum_{i=1}^n \left. \frac{\partial f_k(x)}{\partial x_i} \right|_{x^{(j)}} d_i^{(j)} = -f_k[x^{(j)}]$$

$$k = 1, 2, \dots, n$$

$$x_i^{(j+1)} = x_i^{(j)} + d_i^{(j)}$$

$$i = 1, 2, \dots, n$$

*j* = number of iteration.

...2/-

**Solution of ODE**1. **Explicit Euler method:**

$$y_{i+1} = y_i + \Delta x f(x_i, y_i)$$

2. **Runge-Kutta Method:**

$$y_{i+1} = y_i + \frac{\Delta x}{6} (k_1 + 2k_2 + 2k_3 + k_4)$$

where

$$k_1 = f(x_i, y_i)$$

$$k_2 = f\left(x_i + \frac{1}{2}\Delta x, y_i + \frac{1}{2}k_1\Delta x\right)$$

$$k_3 = f\left(x_i + \frac{1}{2}\Delta x, y_i + \frac{1}{2}k_2\Delta x\right)$$

$$k_4 = f(x_i + \Delta x, y_i + k_3\Delta x)$$

3. **Implicit Methods:**3.1 **Euler**

$$y_{i+1} = y_i + \Delta x f(x_{i+1}, y_{i+1})$$

3.2 **Trapezoidal**

$$y_{i+1} = y_i + \frac{\Delta x}{2} [f(x_i, y_i) + f(x_{i+1}, y_{i+1})]$$

4. **Systems of Coupled ODE'S****Runge-Kutta fourth Order:**

$$y_{i,j+1} = y_{i,j} + \frac{\Delta x}{6} (k_{1,i,j} + 2k_{2,i,j} + 2k_{3,i,j} + k_{4,i,j})$$

...3/-

-3-

where

$$k_{1,i,j} = f_i(x_j, y_{1,j}, y_{2,j}, \dots, y_{n,j})$$

$$k_{2,i,j} = f_i\left(x_j + \frac{\Delta x}{2}, y_{i,j} + \frac{\Delta x}{2} k_{1,1,j}, \dots, y_{n,j} + \frac{\Delta x}{2} k_{1,n,j}\right)$$

$$k_{3,i,j} = f_i\left(x_j + \frac{\Delta x}{2}, y_{1,j} + \frac{\Delta x}{2} k_{2,1,j}, \dots, y_{n,j} + \frac{\Delta x}{2} k_{2,n,j}\right)$$

$$k_{4,i,j} = f_i\left(x_j + \Delta x, y_{i,j} + \Delta x k_{3,1,j}, \dots, y_{n,j} + \Delta x k_{3,n,j}\right)$$